

EDITORIAL

This issue features five articles across four areas of the humanities, namely translation, history, philosophy and Islamic culture. The first paper is an analysis of the translation of *Chengyu*, a subcategory of Chinese proverbs, into Malay. The analysis shows that translations are successful when they involve concepts that are shared in both languages. However, because of the nature of the source proverbs, accurate translation is not always achieved – leading to translations that are embellished, different in meaning from the original form and indeed some which have no meaning. These findings reinforce the importance of possessing a firm understanding of the derivation and conveyance of meaning from the source text for successful and accurate translation to happen.

The second article is an elegant essay on the Kunluns and Kunlunnus, a community who were believed to possess supernatural powers and commonly depicted as Buddhists in Chinese art. According to the author, although Kunlun was not a word that indicated a specific country or region, the artistic depictions portray the Kunluns as people having "wavy hair and dark skin" from the Southeast Asian region. The essay also argues that despite the prevalence of Hinduism in Southeast Asia from the third century to the seventh century, the Chinese presumed that Southeast Asians were devoted Buddhists because they brought in Buddhist goods to pay tribute to China. Thus, within "the power structure of the tributary system", although the Kunlunnus were strangers to the Chinese, "they became regarded as Buddhists with magical powers, which departed from their real existence".

The next article in the current issue is a philosophical essay on the phenomenal concept strategy (PCS). This concept according to the author is "the most promising physicalist defence against the so-called *epistemic arguments*". In discussing this, the essay examines David Chalmers' master argument against the PCS and the objections raised by others in defending the PCS. While the objections are considered "successful defences of the PCS", the essay argues that there remains a stalemate in the debate between physicalists and anti-physicalists.

The focus of the fourth article is on the controversial issue of the appointment of Chinese Consuls by the British for colonial Malaya. The authors argue that Britain's recognition of the People's Republic of China (PRC) reflected the strain between its colonial and foreign priorities in the Southeast and East Asian regions at the time. The article analyses the debates among the British policy makers during the formative decade of the Cold War and argues that "the colonial government's inability to secure the loyalty of the Chinese communities in the midst of the communist insurgency" was the cause for the contested appointment of Chinese Consuls in colonial Malaya.

The final paper in this issue explores the conception of "God as the only Creator" in Islamic architecture. The author discusses this in relation to issues pertaining to the identity of Islamic architecture and the role of Islamic decorative arts. The paper essentially argues that *tawhid* (God's Oneness and Uniqueness) in Islam is the basis for conceptualising the identity and purpose of Islamic architecture. This means that in Islam, buildings are "conceived and erected only to serve God and the noble purpose of creation instituted by the Creator".

Hajar Abdul Rahim
Editor-in-Chief

RENCANA PENGARANG

Isu ini menyetengahkan lima makalah dalam empat bidang kemanusiaan, iaitu terjemahan, sejarah, falsafah dan kebudayaan Islam. Makalah pertama merupakan analisis terjemahan *Chengyu*, yakni subkategori peribahasa Cina, ke dalam bahasa Melayu. Analisis menunjukkan bahawa terjemahan yang tepat terhasil apabila terdapat persamaan antara konsep dalam bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Namun begitu, disebabkan sifat semula jadi *Chengyu* dalam bahasa sumber, kajian juga mendapati bahawa bukan sahaja terjemahan yang tepat tidak sentiasa tercapai, malah terjemahan yang dibumbui, berlainan daripada makna asal dan tidak bermakna juga lazimnya terhasil. Dapatan ini menekankan pentingnya pemahaman yang jitu tentang penerbitan dan pemindahan makna daripada teks sumber untuk menghasilkan terjemahan yang berjaya dan tepat.

Makalah kedua merupakan satu esei yang elegan tentang orang Kunlun dan Kunlunnus, iaitu sebuah komuniti yang dipercayai mempunyai kuasa ajaib dan lazimnya dianggap sebagai penganut Buddha dalam kesenian Cina. Menurut penulis, walaupun Kunlun bukan satu perkataan yang merujuk kepada sesebuah negara atau wilayah, gambaran seni menunjukkan bahawa orang Kunlun "berambut ketak dan berkulit gelap" dan berasal dari kawasan Asia Tenggara. Esei ini juga menghujahkan bahawa walaupun agama Hindu tersebar luas di Asia Tenggara sejak abad ketiga hingga abad ketujuh, orang Cina menganggap bahawa orang Asia Tenggara merupakan penganut Buddha yang warak kerana mereka membawa barangan Buddha untuk membayar ufti kepada China. Oleh hal yang demikian, dalam kalangan kuasa yang mengamalkan sistem ufti, sungguhpun orang Kunlun ialah orang asing kepada orang Cina, mereka dianggap sebagai penganut Buddha yang mempunyai kuasa ajaib yang berbeza dengan kewujudan sebenar mereka.

Makalah ketiga dalam isu ini merupakan satu esei falsafah tentang strategi konsep fenomena atau *the phenomenal concept strategy (PCS)*. Menurut penulis, konsep ini ialah pertahanan fizikalis (*physicalist*) paling menonjol yang menyongsong apa-apa yang disebut sebagai hujah epistemi. Dalam membincangkan isu ini, esei ini menganalisis hujah utama David Chalmer yang menentang *PCS* dan bantahan yang ditimbulkan oleh ahli falsafah lain dalam mempertahankan *PCS*. Sungguhpun bantahan yang dibuat boleh dikira sebagai berjaya mempertahankan *PCS*, esei ini mendakwa bahawa terdapat kebuntuan dalam perbahasan antara kelompok fizikalis dan antifizikalis.

Tumpuan utama makalah seterusnya dalam penerbitan ini ialah isu kontroversi tentang pelantikan Konsul Cina oleh kerajaan British untuk tanah jajahan Malaya. Penulis mendakwa bahawa pengiktirafan Britain terhadap Republik Rakyat China mencerminkan ketegangan yang wujud antara keutamaan penjajahan dengan keutamaan luarnya di Asia Tenggara dan wilayah Asia Timur. Makalah ini menganalisis perbahasan dalam kalangan pembentuk dasar British semasa era formatif Perang Dingin dan mendakwa bahawa "ketidakmampuan kerajaan kolonial untuk mengekalkan ketaatan komuniti Cina di tengah-tengah pemberontakan komunis" merupakan punca berlakunya pelantikan yang kontroversial Konsul Cina di Malaya.

Makalah terakhir dalam isu ini meneliti konsepsi Tuhan sebagai Pencipta yang esa dalam seni bina Islam. Penulis membincangkan perkara ini dalam hubung kaitnya dengan isu identiti seni bina Islam dan peranan seni hias Islam. Makalah ini pada dasarnya menghujah bahawa *tawhid* (keesaan dan keunikan Tuhan) dalam Islam merupakan asas kepada pengkonsepsian identiti dan tujuan seni bina Islam. Maknanya dalam Islam, bangunan digambarkan dan didirikan hanya dengan tujuan untuk mengabdikan kepada Tuhan dan tujuan mulia pembinaannya adalah mengikut luns-lunas-Nya.

Hajar Abdul Rahim
Ketua Pengarang